

**SEJARAH AWAL DAN KEMAJUAN SUKU IDAHAN
DI LAHAD DATU (1896 SEHINGGA 1940)**

JUSMAN BIN AMAN SETIA

**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2007**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS ®

JUDUL : SEJARAH AWAL DAN KEMAJUAN SUKU IDAHAN DI LAHAD DATU
(1896 SEHINGGA 1940)

IJAZAH : SARJANA SASTERA (SEJARAH)

SESI PENGAJIAN : 2003-2007

Saya, JUSMAN BIN AMAN SETIA mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian saya.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. TIDAK TERHAD.

Disahkan oleh



(Penulis : JUSMAN BIN AMAN SETIA)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat:

Kampung Sapagaya
Peti Surat 61935
911127 Lahad Datu
SABAH

(Penyelia: Prof. Dr. Mohd. Sarim Hj. Mustajab)

Tarikh : 24 Ogos 2007

Tarikh : _____

CATATAN : ® Tesis dimaksudkan sebagai tesis Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN

“..... Segala nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.....”

Tandatangan:



Tarikh: 24 Ogos 2007



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kerana penulis telah dapat menyiapkan tesis ini. Semasa menghasilkan tesis ini, penulis telah banyak terhutang budi kepada pihak-pihak yang memberi teguran, sokongan dan kerjasama. Ini kerana tanpa mereka agak sukar saya untuk menyelesaikan tesis ini.

Penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Prof. Dr. Mohd. Sarim Hj. Mustajab selaku penyelia sarjana, kerana beliau telah membimbing dan memberi teguran yang membina kepada penulis.

Ucapan terima kasih juga tidak lupa kepada pihak badan-badan kerajaan seperti Arkib Negeri Sabah, Perpustakaan Muzium Negeri, Perpustakaan Tun Fuad, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Perpustakaan Daerah Lahad Datu dan Pejabat Urusetia Lahad Datu. Tidak lupa juga kepada responen-responen yang telah memberi maklumat kepada penulis iaitu di kalangan mantan-mantan Ketua Daerah Lahad Datu, mantan Ketua Anak Negeri Lahad Datu, Ketua-Ketua Kampung, para Imam kampung, Ketua-Ketua Madai, Majlis Adat Suku Kaum Idahan Lahad Datu dan Kebajikan Pewaris Suku Kaum Idahan Madai (PEWARIS) atas kerjasama kepada penulis semasa melengkapkan bahan-bahan yang diperlukan.

Ucapan TERISTIMEWA buat keluarga (Ibu dan Bapa, adik-adik, Ipar dan anak-anak buah, Emak dan Bapa mertua dan Ipar). Buat insan yang TERISTIMEWA dan TERSAYANG iaitu Isteri penulis, Ernie Ezaidah yang tidak jemu-jemu memberi sokongan dan sabar serta tabah menghadapi dugaan. Buat anak yang tersayang Mohd Erman Zaidani yang masih belum kenal erti kehidupan. Buat anakanda Mohd Ezman Danial yang baru mengenali dunia kehidupan, telah menyahut seruan Allah S.W.T semasa penulis menyiapkan tesis yang hampir selesai. Allah lebih mengetahui dengan pemergian anakanda, semoga anakanda di tempatkan orang-orang yang soleh. Tidak lupa juga kepada semua keluarga sanak saudara yang memberi semangat dan sokongan kepada penulis.

Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada para sahabat penulis yang tidak jemu-jemu memberi semangat dan peransang kepada penulis, Pn Ainun Jamil, Ramli Dollah, Nordin Sakke, Nordi Achie, Safie Abdul Rahim, Risalsah, Rizal zamani, Alen dan rakan-rakan lain yang tidak sempat penulis sebut nama mereka di sini, jasa baik kalian tidak mungkin penulis akan lupakan.

Sekian, Terima Kasih



ABSTRAK

Kajian ini cuba menjelaskan tentang sejarah suku Idahan di Lahad Datu dari tahun 1896 sehingga 1940. Tumpuan kajian lebih berkisar kepada peranan, perubahan dan perkembangan yang berlaku terhadap suku Idahan dari aspek pentadbiran, ekonomi dan sosiobudaya semasa era pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara. Dari segi pentadbiran, kajian ini melihat peranan para pemimpin sebelum dan selepas kedatangan Syarikat Berpiagam Borneo Utara. Sebelum Syarikat Berpiagam Borneo Utara mengambil alih pemerintahan di Lahad Datu, para pemimpin berkuasa penuh di kampung atau daerah mereka. Selepas Lahad Datu menjadi pusat pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara pada tahun 1896, pihak syarikat berpiagam telah memperbaiki lagi sistem pentadbiran, dengan memberi pengiktirafan dan kepercayaan kepada para pemimpin dengan melibatkan mereka dalam pentadbiran bukan sahaja di peringkat kampung dan daerah malah dalam pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara. Dalam aspek ekonomi, suku Idahan sudah menerima hakikat perubahan yang berlaku dengan melibatkan diri mereka sebagai pekerja dan untuk menjalankan aktiviti yang semakin moden lagi. Keadaan ini berlaku disebabkan beberapa dasar dan peraturan baru yang diperkenalkan oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara. Begitu juga dalam aspek sosial suku Idahan sudah mengalami perubahan ekoran datangnya orang luar dari kawasan Teluk Darvel. Selain itu, mereka mendapat kebaikan dengan penyediaan kemudahan asas seperti sistem perhubungan dan hospital yang dibina oleh pihak syarikat berpiagam. Walaupun begitu, suku ini masih lagi mengekalkan sosiobudaya mereka yang telah diamalkan sejak dari zaman nenek moyang mereka. Kesimpulan daripada kajian ini membuktikan bahawa suku Idahan ini memang memainkan peranan dan membantu pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara di Lahad Datu. Penglibatan suku ini dalam pentadbiran di Lahad Datu berlaku justeru kerana pihak syarikat berpiagam memahami bahawa dengan kerjasama suku ini, maka mereka dapat mencapai matlamat mereka iaitu untuk mengeksploitasi hasil bumi di Lahad Datu.

ABSTRACT

This study investigates the history of the Idahan in Lahad Datu from 1896 to 1940. This study focuses on the roles, changes and development of the Idahan in terms of administration, economy and socio-culture during the occupation of the North Borneo Chartered Company. In terms of administration, this study examines the roles of the Idahan leaders before and after the occupation of North Borneo Chartered Company. Before the North Borneo Chartered Company took charge of the administration of Lahad Datu, the Idahan leaders took full charge of their kampung and district. Under the administration of the North Borneo Chartered Company, changes and improvements had been made. Due to their recognition and trust on the local leadership, the North Borneo Chartered Company had entrusted them not only the administration of the kampung and district but also the administration of North Borneo Chartered Company itself. From the economic aspect, this study looks at how the Idahans had accepted the fact that changes required them to be involved in modern activities. This was a consequence of the new rules and regulations that were introduced by the North Borneo Chartered Company. Similarly, the Idahans accepted the social cultural changes brought about by outsiders or by people who had come to settle in the Darvel Bay. This study also highlights how the Idahans had benefited from the infrastructures provided in by the North Borneo Chartered Company such as communication system, hospital and others, while retaining the social culture which has been passed onto them by their forefathers. In conclusion, this study shows that the Idahans had played an important role in the administration of the North Borneo Chartered Company. Their involvement made it more easier for the North Borneo Chartered Company to carry on exploitation of natural sources in Lahad Datu.

ISIKANDUNGAN

MUKA SURAT

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRAK	v
ISIKANDUNGAN	vi
SINGKATAN	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI JADUAL	xi

BAB I PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Objektif kajian	7
1.3 Skop dan batasan kajian	8
1.4 Permasalahan kajian	8
1.5 Ulasan kajian lepas	9
1.6 Kaedah kajian	16
1.7 Pembahagian bab kajian	17

BAB II DAERAH LAHAD DATU

2.1 Pengenalan	24
2.2 Latar belakang daerah Lahad Datu	25
2.3 Asal usul dan pembukaan Lahad Datu	29
2.4 Pembukaan Lahad Datu dan pembangunan infrastruktur	33
2.5 Pola penduduk Lahad Datu	56
2.6 Rumusan	59



BAB III SUKU IDAHAN

3.1	Latarbelakang suku Idahan	63
3.2	Istilah Idahan	74
3.3	Asal usul dan lagenda Idahan	78
3.4	Penempatan dan taburan penduduk suku Idahan	86
3.5	Penduduk	90
3.6	Rumusan	93

BAB IV SYARIKAT BERPIAGAM BORNEO DENGAN

KEPIMPINAN SUKU IDAHAN DI LAHAD DATU

4.1	Pengenalan	96
4.2	Pentadbiran tradisional suku Idahan di Lahad Datu sebelum Kedatangan Syarikat Berpiagam (SBBU)	97
4.3	Syarikat Berpiagam Borneo Utara dengan Kepimpinan suku Idahan peribumi	110
4.4	Penyusunan pentadbiran di peringkat kampung	114
4.5	Pemimpin suku Idahan dengan Syarikat Berpiagam Lahad Datu	119
4.6	Rumusan	127

BAB V KEGIATAN EKONOMI SUKU IDAHAN DI LAHAD DATU

5.1	Pengenalan	130
5.2	Kedudukan ekonomi suku Idahan sebelum Syarikat Berpiagam	130
5.3	Perkembangan ekonomi Lahad Datu semasa pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara	139
5.4	Ekonomi suku Idahan	142
5.5	Pengutipan sarang burung	151
5.6	Rumusan	161



BAB VI SOSIOBUDAYA SUKU IDAHAN

6.1 Pengenalan	163
6.2 Corak sosiobudaya suku Idahan	163
6.3 Peranan bomoh dan dukun	172
6.4 Kepercayaan, pantang larang dan adat	176
6.5 Perkahwinan suku Idahan	191
6.6 Tarian dan muzik	197
6.7 Kehadiran orang luar	199
6.8 Rumusan	201

BAB VII KESIMPULAN

203

BIBLIOGRAFI

206

LAMPIRAN

SINGKATAN

A.D.O	– Assistant District Officer
D.A.D.O	– District Assistant District Officer
D.O	– District Officer
KAN	– Ketua Anak Negeri
MPKAN	– Majlis Penasihat Ketua Anak Negeri
N.C	– Native Chief
N.D.B.T	– New Darvel Bay Tobacco
O.T	– Orang Tua
SBBU	– Syarikat Berpiagam Borneo Utara

SENARAI RAJAH

Halaman

2.1: Kawasan daerah Lahad Datu di Sabah	23
2.2: Kawasan daerah Lahad Datu	26
2.3: Pembahagian Provinsi Semasa Era Syarikat Berpiagam Borneo Utara	36
3.1: Kawasan Suku Idahan di Sabah	62
3.2: Kawasan Penempatan Suku Idahan di Lahad Datu	88
4.1: Pembahagian Jajahan Pentadbiran di Sabah	98

SENARAI JADUAL

	Halaman
2.1: Pendapatan di Lahad Datu dari Tahun 1924-1928	46
2.2: Perbelanjaan di Lahad Datu dari Tahun 1924-1928	47
2.3: Populasi Penduduk Daerah Lahad Datu	58
3.1: Penduduk Suku Idahan di Lahad Datu	52
5.1: Penggiliran senarai waris sarang burung di Lubang batu Lagapong Gayo mengikut tahun dan jurai	157
5.2: Penggiliran senarai waris sarang burung di Lubang batu Agapong Gayo mengikut tahun dan jurai	158
5.3: Pengeluaran Hasil sarang Burung di Lahad Datu	159

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sabah merupakan sebuah negeri yang kedua terbesar di Malaysia dan terletak di utara Kepulauan Borneo dan mempunyai keluasan sekitar 73,620 km persegi. Negeri ini dibahagikan kepada 5 residensi dan setiap residensi mempunyai satu pusat pentadbiran. Dalam residensi mempunyai beberapa buah daerah penuh dan kecil, terdapat 26 buah daerah di negeri Sabah¹. Selain itu, negeri Sabah merupakan sebuah negeri yang mempunyai keunikan tersendiri. Keunikan yang dimaksudkan ialah penduduknya yang terdiri daripada pelbagai suku. Suku yang terdapat di negeri Sabah lebih kurang 41 kumpulan suku yang menggunakan lebih kurang 50 bahasa.

Bukan sahaja itu malahan penduduk yang tinggal negeri ini mempunyai kebudayaan, adat resam, amalan kepercayaan, sistem politik dan petempatan, warisan seni serta bahasa yang berbeza-beza². Suku yang tinggal di Sabah antaranya terdiri dari Dusun, Murut, Bajau, Brunei, Bisaya, Sungai, Idahan, Iranun dan lain-lain lagi.

¹ D.S Ranjit Singh, *The Making of Sabah 1865-1941: The Dynamics of Indegeneous Society*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2001, hlm. 1. Residensi yang terdapat di Sabah ialah Residensi Tawau, Residensi Sandakan, Residensi Pantai Barat, Residensi Pedalaman dan Kudat. Manakala daerah yang terdapat di Sabah ialah Tawau, Lahad Datu, Tungku, Semporna, Kunak, Kota Kinabatangan, Sandakan, Beluran, Telupid, Togod, Ranau, Pitas, Kota Marudu, Kudat, Kota Belud, Tuaran, Kota Kinabalu, Penampang, Papar, Beaufort, Kuala Penyu, Sipitang, Tenom, Nabawan, Keningau dan Tambunan.

² Mat Zin Mat Kib, Kumpulan etnik di Sabah: Sejarah dan perkembangan, dlm. *Warisan seni etnik Sabah*. Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa: Universiti Malaysia Sabah, 2005, hlm. 1-2

Kepelbagaiannya budaya dan bahasa yang terdapat di negeri Sabah tidak menghalang penduduk peribumi untuk berinteraksi di antara satu dengan lain kerana mereka menggunakan Bahasa Melayu baku sebagai alat untuk berkomunikasi. Keunikan yang terdapat di negeri Sabah telah menyebabkan ramai pengkaji tempatan dan luar negeri berminat untuk membuat kajian tentang suku kaum yang terdapat di negeri ini. Walau pun begitu, kebanyakan kajian yang telah dibuat hanya tertumpu kepada suku majoriti berbanding dengan suku minoriti. Oleh itu, untuk memperluaskan dan memperbanyakkan kajian berkaitan suku kaum di Sabah, satu kajian berkaitan suku Idahan di daerah Lahad Datu akan dibincangkan dalam tesis ini.

Kajian berkaitan suku Idahan sudah ada dilakukan tetapi kebanyakan dibuat oleh pengkaji-pengkaji dari barat dan tidak dilakukan secara khusus kepada suku ini. Kebanyakkan kajian yang dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji dari barat hanya menjurus kepada bidang-bidang seperti linguistik³, sejarah asal usul⁴, antropologi, kebudayaan dan kegiatan suku Idahan⁵. Dalam kajian yang dihasilkan itu wujud juga beberapa kontradiksi berkemungkinan akibat penafsiran yang kurang tepat. Situasi ini berlaku kerana pengkaji-pengkaji tidak memahami terlebih dahulu tentang latar belakang suku kaum Idahan dengan lebih dalam. Misalnya, dalam artikel *The Idahan Story* yang ditulis oleh Tom Harrison, beliau menjelaskan bahawa legenda mengenai karakter

³ Moody, David C. Ida'an phonemics, dlm. *Sabah Museum Monograf*, volume 4, Kota Kinabalu: Muzium Negeri Sabah 1993, hlm. 131-146.

⁴ Holly S, The origins of the Ida'an people, dlm. *The Sarawak Museum Journal*, volume VI, Sarawak: Muzium Negeri Sarawak, 1955, hlm. 257-262.

⁵ Madeleine Piper, 1988. The Idahan, *Sabah Museum Monograph*, jilid 2, Kota Kinabalu: Muzium Negeri Sabah, hlm. 259-272. David & Marsha Moody, 1990. The Ida'an, *Social Organization of Sabah Societies*. Kota Kinabalu: Sabah Museum and State Archives Department. Mohd Yusoff Ismail, 1997. Masyarakat Minoriti Idahan dan Ekologi Sarang Burung: Pengaruh Sistem Kekerabatan dalam Pengurusan Alam Sekitar, *Akademiaka 51 (Julai)*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 3-21.

Apoi, rusa emas dan anjing (*Siud Rapod*) adalah adik-beradik. Walhal, pada hakikatnya mengikut pemahaman suku Idahan mereka bukanlah adik-beradik sebaliknya mereka hanyalah mengaku bersaudara apabila berlaku satu peristiwa kejar mengejar sehinggalah mereka menjumpai semua gua batu kapur di kawasan Teluk Darvel. Penjelasan tentang peristiwa ini akan diterangkan dalam Bab III berkaitan asal usul dan lagenda suku Idahan.

Dalam cerita ini, Apoi tidak jadi membunuh rusa emas itu kerana ia meminta belas kasihan agar dilepaskan dan memberitahu bahawa semua kawasan gua batu yang disinggahi itu mempunyai harta yang bernilai, laitu sarang burung dan kesemuanya adalah milik Apoi dan keturunannya sahaja. Manakala, dalam artikel yang bertajuk *The Origins of The Idahan People* watak yang dipaparkan tidak sama dengan cerita asal usul suku Idahan seperti yang terdapat dalam artikel *The Idahan Story*. Watak yang dipaparkan oleh Hollys. S, dalam bukunya bermaksud hubungan mereka adalah antara *amak pumak* dan *inak pumak*, manakala dalam artikel Tom Harrison pula beliau mempaparkan peranan itu dimainkan oleh watak *Besai* dan *Mnor*, *Semurong Tegur Kun* dan isterinya. Perbezaan watak ini wujud kerana responden yang ditemui buai adalah berbeza, sebaliknya menurut kepercayaan cerita bagi suku Idahan, mereka sebenarnya berasal daripada keturunan Besai seperti yang diceritakan oleh Tom Harrison.

Dalam artikel yang berjudul *Idahan* oleh Mustafa Omar pula dijelaskan bahawa suku Idahan mengamalkan satu amalan berbentuk pemujaan, laitu mengorbankan seseorang untuk diberi kepada makhluk halus agar tidak ada kejahanatan yang menimpa. Amalan ini disebut *sumunggup*, sedangkan *sumunggup* dalam istilah Idahan ialah

satu perjanjian ataupun sumpahan yang tidak boleh dipertikaikan dan dimungkiri. Upacara ini bukanlah amalan pengorbanan seperti yang dijelaskan dalam artikel ini. Walaupun wujud beberapa kontradiksi seperti yang dijelaskan, hal ini tidak menjelaskan asal usul dan amalan budaya suku Idahan secara keseluruhan kerana dapatan kajian yang diperolehi oleh seseorang pengkaji adalah berdasarkan interpretasinya berdasarkan bidang yang digunakan.

Kajian berkaitan sosiobudaya, pentadbiran dan ekonomi suku Idahan dari sudut peranan, sumbangsan dan perubahan yang berlaku terhadap suku ini masih belum disentuh. Walhal, suku Idahan memainkan peranan penting dan tidak ketinggalan dalam arus pembangunan di daerah Lahad Datu terutama dalam urusan pentadbiran dan ekonomi dari era pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara sehingga selepas kemerdekaan. Misalnya, dalam bidang pentadbiran para pemimpin suku Idahan tidak diketepikan oleh pihak Syarikat Berpiagam Borneo Utara. Malahan, terdapat dikalangan para pemimpin mereka telah dilantik untuk memegang jawatan sebagai Native Chief (Ketua Anak Negeri) dalam pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara di Lahad Datu. Manakala Orang Tua-Orang Tua (O.T) dalam kalangan suku Idahan diiktiraf oleh pihak syarikat berpiagam. Peranan suku ini berterusan sehingga hari ini dalam soal pentadbiran⁶.

⁶ Pemimpin yang pernah dilantik semasa zaman SBBU ialah Datu Agasi dan Panglima Kiang. Pemimpin suku Idahan memegang jawatan ini berterusan sehingga selepas merdeka pada tahun 1963. Antara pemimpin lain yang pernah memegang jawatan penting di daerah Lahad Datu ialah Haji Datu Sibi (Native Chief), Datu Jinurain (Native Chief dan pernah memegang jawatan sebagai pemangku TYT), Haji Mangku Ator Mangku Yong (Ketua Anak Negeri dan Orang Tua atau ketua kampung), Haji Onga Lagadai (Ketua Daerah dan pernah menyandang jawatan sebagai Ketua Anak Negeri), En. Nasir Haji Manaf (Ketua Daerah), En. Kesuarli Arif (Ketua Daerah), En. Abidin Tukang (Ketua Daerah sekarang). Dalam soal politik juga suku Idahan memainkan peranan, misalnya terdapat beberapa pemimpin yang pernah menjadi wakil rakyat di kawasan Lahad Datu seperti Y.B En. Johari Arif (Era USNO), Y.B En. Mohammadin Ketapi (Era

Dalam aspek ekonomi, kegiatan yang dilakukan oleh suku Idahan telah menyumbang kepada pertambahan pendapatan pihak Syarikat Berpiagam Borneo Utara pada peringkat awal⁷. Kegiatan ekonomi yang dimaksudkan termasuklah pengumpulan hasil hutan seperti kapur barus, getah perca, damar, rotan, tanduk badak dan sarang burung. Antara kegiatan pengumpulan hasil hutan yang banyak menguntungkan pihak syarikat berpiagam ialah pengutipan sarang burung. Aktiviti ini sebenarnya sudah lama dilakukan laitu semenjak zaman pemerintahan Sultan Sulu. Pada masa zaman pemerintahan Sultan Sulu, suku Idahan merupakan pembekal utama bahan-bahan hasil hutan di Teluk Darvel. Peranan mereka berterusan sehingga Syarikat Berpiagam Borneo Utara mentadbir Lahad Datu. Walaupun begitu, lama-kelamaan peranan mereka mulai hilang apabila pihak syarikat berpiagam memperkenalkan beberapa ordinan untuk kepentingan syarikat ini.

Walaupun tampuk pemerintahan di kawasan Teluk Darvel pernah dikuasai oleh Kesultanan Brunei dan kemudiannya Kesultanan Sulu, hal ini tidak mengubah kegiatan amalan kehidupan harian penduduk setempat. Bagaimanapun, apabila pihak Syarikat Berpiagam Borneo Utara menguasai Sabah, beberapa perubahan telah berlaku dalam soal pentadbiran dan ekonomi. Pihak syarikat berpiagam bukan hanya mentadbir dan mengaut ekonomi di Sabah tetapi telah mengubah keadaan sosial masyarakat di situ.

PBS), Y.B Datu Nasrun Haji Datu Mansur (pada masa sekarang di Lahad Datu) dan Y.B Suhaili Said (pada masa sekarang di Tungku).

⁷ Kegiatan ekonomi suku Idahan melibatkan pengumpulan hasil hutan seperti mengutip sarang burung, mengumpul damar, rotan, tanduk badak, gading gajah. Di samping itu, mereka turut menjalankan kegiatan pertanian. Sebahagian dari kegiatan ekonomi mereka ada yang sudah tidak dilakukan lagi ketika ini kerana keadaan yang tidak sesuai seperti mengumpul damar, rotan tanduk badak dan gading gajah. Namun, kegiatan mengutip sarang burung dan pertanian masih lagi berterusan sehingga ke hari ini.

Perubahan ini dapat dilihat melalui kemudahan-kemudahan yang disediakan dan pengenalan pelbagai peraturan baru. Penghidupan penduduk peribumi Sabah berkaitan pentadbiran, ekonomi dan sosial mempunyai hubungan yang tidak boleh dipisahkan. Misalnya, suku Idahan yang tinggal di kawasan Teluk Darvel, apabila pihak Syarikat Berpiagam Borneo Utara memperkenalkan Ordinan Tanah. Maka, sekaligus peraturan ini telah mengubah corak pertanian dan sosiobudaya mereka. Hal ini, kerana suku Idahan mengamalkan pertanian dan petempatan pindah randah.

Selain itu, suku Idahan pada masa itu terpaksa membayar cukai-cukai yang diperkenalkan oleh pihak SBBU dan perlu mendapatkan lesen ketika mencari hasil hutan. Situasi ini telah menyulitkan mereka untuk mencari rezeki. Begitu juga dari segi sosial, banyak perubahan yang berlaku kerana kemasukan tenaga buruh luar ini telah mengubah populasi penduduk dan unsur-unsur budaya luar mula masuk ke Lahad Datu. Justeru, perubahan sosial yang berlaku di Lahad Datu bukan hanya disebabkan oleh pembangunan. Sebaliknya, kemasukan penduduk luar dari Sabah turut mempengaruhi kedudukan sosial di kawasan ini. Sebenarnya pengaruh dari luar sudah lama wujud terutama kedatangan Islam di Lahad Datu tetapi tidak memberi banyak perubahan kepada sosiobudaya peribumi terutama suku Idahan. Keadaan ini berterusan sehingga pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara di Lahad Datu tidak berlaku perubahan sosiobudaya mereka yang begitu ketara sekali. Cuma yang dapat dilihat hanyalah kuasa para pemimpin tempatan tidak lagi berada di kedudukan yang tinggi dalam struktur hierarki sosial mereka. Di samping itu, budaya suku Idahan yang agak tertutup sebelum ini terutama hubungan dengan orang luar telah mengalami perubahan apabila mereka terpaksa menerima kehadiran orang luar sebagai pemerintah dan yang menguasai ekonomi suku ini.

Kajian ini akan menjelaskan dan menghuraikan kegiatan suku Idahan sebelum kedatangan Syarikat Berpiagam Borneo Utara, seterusnya melihat penglibatan dan perubahan yang berlaku semasa pemerintahan syarikat berpiagam di Lahad Datu khususnya dalam aspek pentadbiran, ekonomi dan sosiobudaya dari tahun 1896 sehingga 1940.

1.2 Objektif kajian

Kajian ini akan menerangkan sejarah perkembangan suku Idahan sepanjang pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara di Lahad Datu dari tahun 1896 sehingga 1940. Objektif kajian dalam tesis ini ialah:

- a. Melihat peranan dan perubahan masyarakat suku Idahan semasa berada di bawah pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British di Lahad Datu dari aspek pentadbiran, ekonomi dan sosiobudaya mereka.
- b. Meneliti peranan mereka dalam ekonomi sebagai pengumpul hasil hutan dan pengutip sarang burung telah menyebabkan para pemimpin mereka dilibatkan dalam pentadbiran di peringkat kampung dan sekaligus di peringkat daerah di Lahad Datu.
- c. Melihat sejarah asal usul masyarakat suku Idahan.

1.3 Skop dan batasan kajian

Skop kajian hanya tertumpu kepada masyarakat suku Idahan dan daerah Lahad Datu. Manakala batasan kajian hanya tertumpu dari tahun 1896 sehingga 1940. Tempoh ini

di pilih kerana kawasan daerah Lahad Datu telah menjadi salah satu kawasan pusat pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara di kawasan pantai timur Sabah. Semasa berada di bawah pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara banyak perubahan dan pembangunan yang dibuat di kawasan Lahad Datu. Justeru, segala perubahan dan perkembangan yang berlaku di daerah ini memberi impak kepada masyarakat suku Idahan dari aspek pentadbiran dan sosioekonomi. Di samping itu, sebab pemilihan dalam tempoh ini kerana dalam jangka masa tempoh inilah suku Idahan mula menampak perubahan dari segi pentadbiran dan ekonomi.

1.4 Permasalahan Kajian

Suku Idahan merupakan kaum minoriti di Sabah pada masa ini, tetapi mempunyai peranan yang penting terutama dalam aspek ekonomi sejak zaman Kesultanan Sulu. Semasa era pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British di Lahad Datu suku Idahan bukan sahaja memainkan peranan dalam aspek ekonomi tetapi juga mereka memainkan peranan dalam soal pentadbiran. Walaupun peranan mereka mulai berkurangan semasa pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara, namun pihak syarikat berpiagam masih lagi memberi perhatian kepada suku Idahan dan ini boleh dilihat menerusi penglibatan suku tersebut dalam bidang pentadbiran di peringkat daerah dan dalam aktiviti sosioekonomi Lahad Datu. Walaupun berlaku perubahan dari segi pentadbiran dan ekonomi namun mereka dapat mengekal dan mempertahankan sosiobudaya yang telah diamalkan dalam kehidupan mereka sejak dari nenek moyang mereka.

1.5 Ulasan kajian lepas

Penyelidikan atau penulisan berkaitan sumbangan dan perubahan yang berlaku terhadap suku Idahan dari sudut pentadbiran, ekonomi dan sosiobudaya setakat ini masih belum banyak dihasilkan. Kebanyakan penulisan hanya menyentuh tentang asal usul suku Idahan, bahasa dan budaya serta aktiviti mereka. Di samping itu, ramai pengkaji yang menyelidik dan menulis tentang suku Idahan di Lahad Datu didominasikan oleh para sarjana Barat. Jadi, tidak mustahil jika wujud masalah dan kontroversi dalam kajian mereka. Walaupun begitu, sumbangan sarjana Barat telah memperkayakan lagi ruang lingkup kajian berkaitan suku Idahan.

Dalam kajian David dan Marsha Moody, berjudul "*The Idaan*" dalam *Social organization of Sabah societies* terbitan bersama Muzium Negeri dan Arkib Negeri Sabah pada tahun 1990 merupakan kajian antropologi yang tertumpu di Kampung Sapagaya Lahad Datu. Kajian ini memberi tumpuan kepada permasalahan sosial seperti struktur kekeluargaan dan ekonomi kegiatan mengutip sarang burung dan berniaga secara kedil-kedilan. Oleh itu, kajian yang dilakukan ini adalah agak terhad. Ini kerana dalam kajian mereka hanya melihat kepada suku Idahan yang tinggal di kampung berkenaan sedangkan suku Idahan bukan hanya tinggal di Kampung Sapagaya sahaja tetapi mereka juga tinggal di kawasan lain seperti di Kampung Tabanak, Kampung Segangan, Kampung Segama, Kampung Binuang, Kampung Bikang dan Kampung Terusan.

Manakala artikel Holly.S, yang bertajuk "*The origins of the Idahan people*" dalam jurnal *The Sarawak Museum Journal* volume VI terbitan Muzium Sarawak pada

tahun 1955 pula melihat tentang asal usul suku Idahan dan proses Islamisasi mereka. Kajian ini ada menyentuh sedikit sebanyak mengenai jurai keturunan suku ini. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Tom Harrison yang bertajuk "The Idahan story" dalam *Sabah Society Journal* volume VI terbitan Muzium negeri Sabah pada tahun 1970 mempunyai persamaan dengan kajiannya Holly S. tetapi Tom Harrison telah menyentuh lebih mendalam tentang sejarah asal usul suku Idahan dan membincangkan mengenai jurai keturunan mereka berdasarkan geneologi Idahan. Beliau juga turut menyentuh hubungan suku Idahan dengan Datu dari Sulu melalui perkahwinan campur. Didapati kajian Tom Harrison mengenai jurai keturunan suku ini jauh lebih mendalam lagi berbanding dengan kajian yang dibuat oleh Holly.S yang menjurus kepada satu jural keturunan sahaja. Seorang sarjana barat, iaitu Madeleine Piper dalam kajiannya yang berjudul, "The Idahan" dalam *Sabah Museum Monograph*, jilid 2 terbitan Muzium negeri Sabah pada tahun 1988 turut membincangkan tentang asal usul suku Idahan serta aktiviti pengutipan sarang burung oleh suku ini di Gua Madai, Gua Baturong dan Gua Segarong. Selain itu, beliau juga ada menjelaskan tentang hubungan suku Idahan dengan Datu dari Sulu terutama sekali dalam bidang perdagangan iaitu perdagangan sarang burung.

Dapat disimpulkan bahawa kebanyakan kajian yang dibuat oleh pengkaji Barat lebih tertumpu kepada soal jurai keturunan dan soal kegiatan sarang burung. Walhal suku ini sebenarnya mempunyai peranan dan sumbangsan di Lahad Datu semasa SBBU memerintah kawasan ini sehingga menjelang Sabah mencapai kemerdekaan dalam Malaysia.

Selain itu, seorang pengkaji tempatan iaitu Mustafa Omar yang menyumbangkan artikel dalam *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu* berjudul "Idahan" yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1999 telah memberi penjelasan secara ringkas berkaitan suku ini. Penjelasan beliau menyentuh tentang struktur organisasi suku Idahan berkaitan *Tegajo*. Istilah *Tegajo* digunakan untuk golongan yang lebih tua dan berpengaruh. Istilah ini mempunyai dua maksud, iaitu golongan ibu bapa yang di panggil juga *tegajo* manakala maksud yang kedua, iaitu pemimpin seperti Orang Tua, Ketua Kampung dan Imam. Kebiasaan juga istilah ini turut digunakan kepada individu-individu yang berkedudukan kaya dan berpengaruh walaupun mereka bukan golongan pemimpin. Selain penjelasan istilah *tegajo*, Mustafa Omar turut menyentuh tentang asal usul, taburan penduduk, aktiviti sosial, kebudayaan dan suku Idahan pada masa kini.

